



mempersentahkan teater eksperimen

arahan **ROHANI YOUSOFF**

MIMPI

DI MALAM PANAS

BERDASARKAN DARIPADA A MIDSUMMER NIGHT'S DREAM

Akademi Seni Kebangsaan
melangkah ke hadapan bersama tradisi
moving forward with tradition



AKADEMI SENI KEBANGSAAN

mempersembahkan teater eksperimen

MUHAMMAD DI MALAM PARAS

adaptasi longgar daripada karya Shakespeare

16 hingga 18 April 2002

8.30 malam

Pentas Terbuka

Pusat Pelancungan Malaysia
Jalan Ampang, Kuala Lumpur

Sarkis sudah selesai

Kita pula akan berpesta malam ini...

Betullah katamu

Akulah pengembara yang berjenaka

Meriangkan hari

Pada malam itu

Masa kau asyik dengan nyanyian duplek

Aku ternampak cupid dengan panahnya

Dia melepaskan panah yang berapi ke arah gadis jelita

Supaya menikat seribu hati

Sebelum panah terkena gadis jelita, apa terpadam?

Dan panah itu jatuh ke barat, terkena sekuntum bunga

Bunga putih menukar menjadi merah

Mata yang lena bila dititis dengan air bunga itu

Akan gila asmara, lelaki dan wanita...

Kerana kelirumu asmara sejati telah bertukar

Cinta yang palsu tak menjadi benar

Memang nasib, janji dipadu kata diikat

Sejuta janji, tak satu pun taat...

Aku membawa penawar penyakit asmara

Bila terjaga nanti, kau lihat di sini dengan senang hati

Jantung hati mu, yang terpisah denganmu dulu

Adam memerlukan Hawa; yang tiada jadi ada

Lelaki memerlukan wanita

Kalau terlaksana bereslah semua...

Bunga merah buat suntungan

Diletak ia di sanggul remaja

Mauisnya ia dalam bayangan

Kasihnya akan membawa bahagia.

SINOPSIS

MAKUT DI MALAM LAGAS

(Adaptasi panggung daripada A Midsummer Night's Dream karya Shakespeare)

Sarkis sudah selesai. Dua orang artis sarkis (Lysander dan Hermia) melarikan diri semasa 'curtain call' di penghujung persembahan. Pemergian mereka diperhatikan oleh Demetrius yang sukakan Hermia. Demetrius pula diperhatikan oleh Helena yang sukakannya. Demetrius mengejar pasangan kekasih itu dan dia pula dikejar oleh Helena.

Semangat artis sarkis zaman silam mula muncul. Tuan punya sarkis, Oberon cuba memaksa isterinya Titania memberikan budak lelaki yang dijadikannya anak angkat. Apabila Titania enggan, Oberon berpakat dengan Puck untuk menggunakan air pengasih supaya Titania jatuh cinta dan dalam keadaan itu akan mengikut kata-katanya.

Air pengasih bukan sahaja membuat Titania menjadi mangsa (apabila dia jatuh cinta dengan seorang badut sarkis sebenar), malah kerana kesilapan Puck, kasih Lysander terhadap Hermia bertukar pula kepada Helena. Kekecohan berlaku di antara keempat-empat artis sarkis itu. Oberon masuk campur, tetapi apakah dia akan mendapat apa yang dia mahu daripada Titania?

WATAK PELAKON



Oberon
Rosman Ishak



Duck
Shahrul Mizad Asaari



Lpsander
Shahril Nizam Shahron



Hermia
Sharmaine Othman



Helena
Engku Norzalifah Engku Rased



Demetrius
Ce Kem



Titania
Mardiana Ismail



Bottom
Mohd Fauzi Rais



Ketua pari-pari
Arbaiah Ahmad Nadzri



Cobweb
Syarafina Abdullah



Shug
Mohd Saifullah Ghazali



Starbeling
Che Zihan Ismail



Snout
Jezzriq Eddie Kismilardy



Mustardseed
Rosmawati Abd Rahman



Quince
Shahnun Nuddin Abd Raza





Moth
Raja Farah Raja Hadayadanin



Peaseblossom
Sylvia Ong



Bee
Sofia Jaafar



WILLIAM SHAKESPEARE

(1564-1616)

Pengarang besar Inggris ini dilahirkan pada 23 April 1564 di Stratford-upon-Avon, putera pedagang kaya yang pernah menjadi walikota di sana, mendapat pendidikan Grammar School. Umur 28 tahun, beliau berkahwin dan menjadi pelakon drama. Di London, dia memperoleh pendidikan bukan hanya dalam teater, tapi hampir dalam segala hal. Seperti kebanyakan pelakon teater ketika itu, beliau turut menulis drama. Yang terbaik dihasilkan adalah **Henry VI**, sebuah siri yang terdiri daripada 3 buah drama tentang peperangan Inggris-Perancis. Masyarakat juga menggemari melodrama berdarahnya, **Titus Andronicus**, fardanya yang lucu, **The Comedy of Errors** dan komedi liriknya, **Love Labours Lost**.

Tetapi pada tahun 1592 teater-teater di London ditutup kerana berlaku satu wabak besar. Shakespeare terpaksa mengalihkan kegiatannya ke bidang puisi. Maka lahirlah dua puisi naratif, **Venus and Adonis** dan **The Rape of Lucrece**. Tahun 1594, setelah teater dibuka kembali, Shakespeare melibatkan diri dengan rombongan drama **Chamberlain's Men** dan sejak itu dia menulis drama-dramanya untuk rombongan itu, yang kebanyakannya mengenai sejarah Inggris: **King John** dan drama berangkai **Richard II**, **Richard III**, **Henry IV**, **Henry V** dan **Henry VI**. Dia juga menulis komedi, di antaranya, **The Merry Wives of Windsor**, **The Taming of The Shrew**, **Two Gentlemen of Verona**, **Twelfth Night**, **As You Like It** dan **Much A Do About Nothing**. Ditulisnya juga drama dengan adegan pengadilan yang terkenal, **The Merchant of Venice**; juga sebuah drama yang penuh peri dan muzik, **A Midsummer Nights Dream**. Di samping itu dia menulis tragedi **Romeo and Juliet**, **Julius Caesar**, **Hamlet** dan **Othello**. Beberapa lagi antaranya yang terkenal: **Macbeth**, **Anthony and Cleopatra**, **King Lear**, **The Tempest**, **The Winters Tale** dan lain-lain.



ROHANI YOUSOFF

Dilahirkan dan mendapat pendidikan awal di Kelantan. Beliau mendapat ijazah dalam bidang teater dari New York University, Amerika Syarikat. Selain itu beliau juga turut mengikuti kursus drama Tv di New York dan Berlin serta kursus pentadbiran dalam bidang seni di London, England.

Lebih dikenali sebagai pelakon dan pengarah teater, walaupun pernah berlakon dan mengarah untuk televisyen. Sebagai pelakon teater, sejak tahun 1972 antara pementasan yang dijayakan ialah:

- **'Alang Rentak Seribu'** karya Dato' Syed Alwi
- **'Tok Perak'** karya Dato' Syed Alwi
- **'Bukan Lalang Di Tiup Angin'** karya Dato' Noordin Hassan
- **'1400'** karya Dato' Noordin Hassan
- **'Kononnya'** konsep Rohani Yousoff
- **'Anak Tanjung'** karya Dato' Noordin Hassan
- **'Cindai'** karya Dato' Noordin Hassan
- **'Hamba Allah'** karya Dato' Syed Alwi
- **'Pentas Opera'** karya Zakaria Ariffin
- **'Death Of A Salesman'** arahan Roselina Mohd Khir

Manakala teater yang pernah diarahkan antaranya ialah:

- **'Sirih Bertepuk Pinang Menari'**
- **'Anak Tanjung'**
- **'Peran'**
- **'Tiang Seri Tegak Berlima'**
- **'Cindai'**

Sebagai insan seni yang mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan seni dan kerja-kerja kreatif, maka Akademi Seni Kebangsaan berbesar hati memanfaatkan kehadiran beliau untuk sama-sama berkongsi ilmu dan melatih tenaga baru dalam bidang ini. Bagi sesi 2001/02 beliau diamanahkan untuk mengendalikan kursus Seminar Lakon dan Produksi Teater Eksperimen.

KERABAT PRODUKSI

Penerbit
Puan Norliza Rosli

Penasebat
Zakaria Ariffin

Penyelaras Produksi
Mohd Kamarulzaman Taib

Penolong Pengurus Produksi
Nardiana Ismail

Pengarah Produksi
Rohani Yusof

Pengurus Pemasaran
Mohamad Hafiz Husin

Pengarah Teknikal
Azizul Lahid Jamal

Penyelaras Teknikal
Azizul Lahid Jamal

Penyelaras/Peraka Set dan Props
Shahrul Mizad Asaari

Penyelaras Kostum
Rosman Ishak

Penyelaras Catraces
Tuhara Ansh

Peraka Catraces
Rosli Mohd taib
Chan Be Be

Koreografer
Jumariah M. Lejong

Penolong Koreografer
Shahril Nizam Shahrin

Penyelaras Muzik
Guanita Ismail

Gubah Muzik
Adrienne Nicholas palikat

Pengarah Muzik
Hadi Maswardi Mohd Amin

Juruselak
A. Aris A. Kadir

Pembantu Produksi
Mohd Hariry Abdul Jalil

Shafirul Azmi Suhaimi

Zurairi Hamip

Ismaliza Ishak

Abdul Sham Abdul Razak

Baidah Abu Shaaid

Salmah Osman

Nooraizan Mamat

Zuriah Mohamad

Norziainazurin Kamal Ridzuan

Norini Rahman

Amelia Abdul Aziz

Amira Sariyati Mohd Hatta

Rozilah Abdul Rahman



KERABAT PEKERUSAHA

PENALING

YB Dato' Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

PENASIHAT I

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid

Ketua Setiausaha

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Merangkap Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

PENASIHAT II

Daing Abdul Rahman Daing Ibrahim

Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Akademi Seni Kebangsaan

PENGERUSI

Norliza Rofli

Pengarah

Akademi Seni Kebangsaan

TIMBALAN PENERUSI I

Norizah Arshad

Pengurusan dan Pendaftaran

TIMBALAN PENERUSI II

Mohd. Amir Hakim Mohd. Yusof

Hal-Ehwal Pelajar & Hal-Ehwal Akademik

SETIAUSAHA

Zakaria Ariffin

Ketua Program Teater

PENOLONG SETIAUSAHA

Mohd Kamarulzaman Taib

Penyelaras Program Teater

PUBLISITI DAN PemasARAN

Norizah Arshad

Melah Khalid

Rozihani Mohamad

Baharuddin Ramli

Shakila Hazila Yackop

Rozihani Mohamad

Nooraini Harun

Luzairi Othman

Mariani Mohd Zam

JAWATANKUASA KEWANGAN

Shazali Bidin

Lailena Mohamad Razali

Ahuzzah Malek

Wan Yun Wan Yusoh

Adly Abdul Karim

JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN

DOKUMENTASI

Aj Wan Mansor Yusof

Tali Nazri Jaqfar

JAWATANKUASA JEDUTAN

Norizah Arshad

Melah Khalid

Baharuddin Baharin Ramli

Rozihani Mohamad

Mariani Mohd Zam

PENERUSAN PANGGUNG

Norziyah Majid

Baharuddin Baharin Ramli

Hamidah Hassan

Wan Yun Wan Yusoh

Luzairi Othman

JAWATANKUASA LOGISTIK/

KEBAJIKAN

Lailena Mohamad Razali

Mohd Rais Husin

Adly Abdul Karim

Sulaiman Mamat

JAWATANKUASA KAUNTER

MEDIA

Baharuddin Baharin Ramli

Luzairi Othman

PROGRAM TEATER AKADEMI SENI KEBANGSAAN

PENCENALAN

Program Teater Akademi Seni Kebangsaan (ASK) memberi latihan secara sepenuh masa peringkat pensijilan dan diploma. Peluang turut disediakan kepada mereka yang bercita-cita untuk mengembangkan bakat dan memahirkannya dalam bidang teater secara berperingkat melalui kursus-kursus jangka pendek atau pengajian separuh masa.

Berteraskan teater tradisional Malaysia, program teater meneroka bidang teater secara global melalui kuliah, kerja studio dan produksi dengan pendekatan pembelajaran bersifat perguruan dengan tokoh, rujukan pembacaan, perbincangan kumpulan, pelayaran komputer dan pelaksanaan projek. Pengisian kursus membekalkan kemahiran dan pengalaman secara mampan berdasarkan keperluan industri seni persembahan semasa dengan menitikberatkan praktikal tanpa melupakan pengujian teori.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

Sebagai Akademi yang dianjurkan oleh kerajaan dibawah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, ASK bertanggungjawab memberi keutamaan seni persembahan yang berakar umbi budaya tempatan. Maka itu program teater ASK menganbil pendekatan melalui:

Teater Tradisional sebagai teater yang diangkat menjadi teras pendidikan

Penekanan kepada pengurusan produksi dan rekaan berdasarkan teknologi moden dan masa kini secara gabung sama dengan kursus-kursus yang bersifat tradisional.

Sistem ADIGURU iaitu menjemput pakar bidang kesenian tradisional dan moden sebagai pensyarah.

Melibatkan pelajar-pelajar secara langsung kepada produksi sebenar pentas teater sama ada anjuran ASK mahupun luar sebagai pendekatan yang dapat membina minda dan fizikal pelajar dalam pertimbangan teori dan praktikal sebagai laluan pembelajaran.

Mengadakan hubungan secara MOU dengan Universiti tempatan dan luar negara serta badan swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan aktiviti seni persembahan yang akrab membolehkan pelajar-pelajar teater sentiasa bersedia dengan sebarang perubahan dan bersifat anjal untuk kepentingan pembangunan seni.

STRUKTUR PEMBELAJARAN

Kursus-kursus disusun berdasarkan keperluan industri seni persembahan berlandaskan teater sebagai bidang utama. Ada empat modul pengajian teater yang ditawarkan iaitu:

Teori, Sejarah dan Pengurusan

Mengemukakan kursus yang berkaitan dengan teori dan falsafah seni teater, serta pentadbiran dan pengurusan teater. Memenuhi dari aspek sejarah dan amalan yang dipraktikkan didalam pengurusan teater luar dan dalam negara.

Modul Lakonan

Melatih dan mengasuh bakat serta minat melalui pembinaan diri sebagai aktor dengan gaya dan teknik lakon klasik, moden dan eksperimen berdasarkan sistem dan gaya tokoh-tokoh terpilih dari timur dan barat.

Modul Pengarahan

Mendedahkan tugas dan peranan seorang pengarah dengan mendekati sistem berkaitan pengarah. Pelajar akan bekerja dan bertanggungjawab secara langsung sebagai pengarah dalam produksi sebagai menguji dan memberi pengalaman memimpin sebuah produksi.

Modul Sinografi

Satu penerokaan artistik bahasa visual dalam bentuk penrekaan dan operasi teater berdasarkan falsafah, teknik dan proses. Merangkumi penrekaan kostum, pencahayaan, set, prop, latarhias, solek dan produksi, pelajar-pelajar akan dilatih mengimbangtara kemahiran teknikal dari aspek lukisan hingga pertukangan pentas serta penggunaan komputer bagi pelaksanaan operasi produksi.

Kaedah pengajaran dibahagikan kepada:-

KULIAH

Memumpukan kepada ilmu teori dan rujukan secara berjadual

TUTORIAL

Mengupas pembelajaran kepada kumpulan kecil dan individu bagi mengatasi masalah pemahaman dan penumpuan.

BENCKEL

Berbentuk latihan dan memantapkan kemahiran bidang pengkhususan.

PRODUKSI

Berbentuk kerja kumpulan yang mengangkat ilmu teori kepada praktikal meliputi kerja-kerja sebenar mengurus dan melaksanakan produksi persembahan secara kolektif dan kreatif.

SEMINAR

Berbentuk perbincangan dan pembentangan tugasan sebagai kemahiran kefahaman dan penghayatan membaca, menonton, mendengar dan berhujah secara kritis.

PENILAIAN

Bagi menguji tahap kemampuan, pelajar akan dinilai melalui :-

1. Peperiksaan Akhir
 - i. Berbentuk penulisan
 - ii. Berbentuk projek
2. Peperiksaan berperingkat
 - i. Berbentuk kuiz bulanan
 - ii. Penghantaran journal
 - iii. Tugasan

TAHAP PENGAJIAN

Tahap Pertama

Satu pendedahan bersifat pengenalan kepada bidang teater secara menyeluruh sebagai persediaan mengembangkan bakat dan memahami diri dalam bidang ini. Pelajar-pelajar mesti lulus kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat ini dan memastikan bidang yang akan dibuat pengkhususan mendapat keputusan cemerlang. Produksi Wayang Kulit anjuran ASK merupakan pelajaran wajib bagi semua pelajar tahun pertama.

Tahap Kedua

Peringkat ini pelajar telah mengenalpasti bidang pengkhususan, samada bidang lakonan, pengarahannya atau sinografi. Di mana pengkhususan ini juga menitikberatkan teori, sejarah dan pengurusan selain menjurus kepada bidang yang dipilih.

Pelajar-pelajar tahun Kedua diwajibkan terlibat dengan produksi anjuran ASK iaitu *Nalaping dan* produksi program teater iaitu *Produksi Teater Moden* sebagai latihan asas kemahiran.

Tahap Ketiga

Mendalami lagi penumpuan bidang teater pilihan samada teori dan pengurusan, lakonan, pengarahannya atau sinografi. Pelajar-pelajar akan mendalami teori dan teknik serta didedahkan secara langsung kepada bidang pilihan melalui produksi yang diurus sendiri atau mana-mana projek yang dikenal pasti berkaitan dengan bidang.

Pelajar tahun ketiga akan diberi tugas mengurus dan melaksana projek produksi wajib ASK iaitu *Teater Bangsawan, Produksi Teater Klasik dan Produksi Teater Eksperimen* serta menyempurnakan projek akhir peringkat diploma (*PeTA*).

SENARAI KURSUS

TAHUN PERTAMA

- PAT 1012 Pengenalan Teater
- PAT 1022 Asas lakon
- PAT 1032 Asas Vokal
- PAT 1042 Pergerakan Untuk Teater
- PAT 1052 Improvisasi Pentas
- PAT 1062 Komunikasi Visual
- PAT 1072 Pengenalan Sinografi

TAHUN KEDUA

- PAT 2262 Teater Modern Malaysia
- PAT 2272 Sejarah Teater Barat
- PAT 2282 Pengurusan Pentas
- PAT 2292 Teori & Teknik Lakon
- PAT 2303 Produksi Teater Modern
- PAT 2312 Pergerakan Lanjutan
- PAT 2322 Vokal Untuk Pentas
- PAT 2333 Teater Dalam pendidikan
- PAT 2343 Pengarahan Anjakan
- PAT 2353 Tatarias & Kostium
- PAT 2363 Rekaan Set Prop
- PAT 2373 Pengarahan Lanjutan
- PPN 2282 Psikologi Watak

TAHUN KETIGA

- PAT 3512 Sejarah Teater Modern Asia
- PAT 3523 Produksi Teater Eksperimen
- PAT 3533 Produksi Teater Klasik
- PAT 3542 Kritikan Seni Persembahan
- PAT 3553 Lakon Untuk Filem dan TV
- PAT 3562 Vokal Lanjutan
- PAT 3572 Seminar Lakon
- PAT 3582 Seminar Pengarahan
- PAT 3593 Pengarahan Untuk Rakaman
- PAT 3603 Rekaan Tatacahaya
- PAT 3613 Rekaan Produksi
- PAT 3623 CAD Untuk Teater, Filem dan TV

COURSE LIST

Year 1

- Introduction to Theatre*
- Basics Acting*
- Basic Vocal*
- Theatre Movement*
- Stage Improvisation*
- Visual Communication*
- Introduction to Scenography*

Year 2

- Modern Theatre of Malaysia*
- History of Western Theatre*
- Stage Management*
- Theory and Acting Technique*
- Modern Theatre Production*
- Advanced Movement*
- Vocal for Stage*
- Theatre In Education*
- Basic Directing*
- Make-up and Costume Design*
- Set and Prop Design*
- Advanced Directing*
- Psychology of Character*

Year 3

- History of Modern Asian Theatre*
- Experimental Theatre Production*
- Classical Theatre Production*
- Performing Arts Critique*
- Acting For Film and TV*
- Advanced Vocal*
- Acting Seminar*
- Directing Seminar*
- Directing For Camera*
- Lighting Design*
- Production Design*
- CAD For Theatre, Film and TV*

ABLI MAJLIS AKADEMI SENI KEBANGSAAN (2001-2003)

Pengerusi

Dato' Tengku Ataudin Tengku Abdul Majid
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Gubalng Pengerusi

Encik. Dang Abdul Rahman bin Dang Ibrahim
Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Setiausaha

Puan Norliza Rofli
Pengerah
Akademi Seni Kebangsaan

Pendolong Setiausaha

Timbalan Pengerah Pengurusan dan Pendaftaran
Akademi Seni Kebangsaan

Timbalan Pengerah Hal Ehwal Pelajar dan Hal Ehwal Akademik
Akademi Seni Kebangsaan

Ahli-ahli Tetap

Ketua Pengerah Perkhidmatan Awam
Tabatan Perkhidmatan Awam

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan

Ahli-ahli Dilantik

Prof. Datin Ungku Aziz bin Ungku Abd. Hamid
Dato' Dr. Hassan bin Ahmad
Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh
Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam
Dato' Hiss Shamsuddin
Datin Azanin Ahmad
Encik Mohd Shariff bin Ahmad
Dr. Hattat Azad Khan
Puan Wairah Marzuki

Penghargaan

Akademi Seni Kebangsaan merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang telah membantumulaksanakan kejayaan pementasan teater eksperimen

"Mimpi di Malam Panas"

Kementerian Penerangan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Pusat Pelancongan Malaysia
Istana Budaya
Pihak Media Tempatan
Tenaga Pengajar Akademi Seni Kebangsaan
dan semua yang terlibat.

Terima Kasih

Bunyikan Muzik Pelena Untuk Tidur

Sekiranya kami membuat silap Bertimbangrasalah, harap maaf
Aunggaplah tuan-tuan telah tertidur
Sambil lakonan menjelma teratur
Tema yang lemah dan lembik ini
Tidaklah lebih daripada mimpi

Janganlah Puck dipanggil pendusta
Baiklah, selamat malam untuk semua
Berilah tepukan tangan penonton sekalian
Dan Robin berjanji memperbaiki kesilapan



untuk maklumat lanjut:

AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Aras 33, Empire Tower, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur
tel : 03 - 21649180 (Baharuddin - 266, Sheen - 200) faks : 03-21649186
email : eyjah@excite.com : ask_arts@virtualmalaysia.com